JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“TUNTUTAN IHSAN DALAM KEHIDUPAN”

Tarikh Dibaca :

1 RABI’ULAWWAL 1443H/
8 OKTOBER 2021M

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JAKIM
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TUNTUTAN IHSAN DALAM KEHIDUPAN

1 RABI'ULAWWAL 1443H / 8 OKTOBER 2021

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَآئِلِ:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ١٥

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ وَلَا مَثِيلَ وَلَا شَبِيهَ وَلَا ضِدَّ وَلَا نِدَّ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ وَصَفِيُّهُ وَحَبِيْبُهُ مَنْ بَعَثَهُ اللّٰهُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِيْنَ هَادِيًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَّغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى الأَمَانَةَ وَنَصَحَ الأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللّٰهِ حَقَّ جِهَادِهِ فَجَزَاهُ اللّٰهُ عَنَّا خَيْرَ مَا جَزَى نَبِيًّا مِنْ أَنْبِيَائِهِ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُوْنَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin mengingatkan diri sendiri dan menyeru sidang jemaah sekalian untuk sama-sama kita mengukuhkan keimanan dan meningkatkan ketakwaan dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi

insan yang berjaya dan beruntung di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **"Tuntutan Ihsan Dalam Kehidupan"**.

Khatib juga ingin mengingatkan untuk kita terus berdisiplin mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19. Jagalah kesihatan dan keselamatan diri dan keluarga. Kelonggaran yang telah diberikan bukan bermaksud kita sudah bebas dari wabak. Ingatlah bahawa kita masih lagi berjuang untuk mengeluarkan negara dari kemelut pandemik Covid-19 dengan selamat. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Rasulullah SAW menyatakan bahawa Allah SWT menyediakan tempat di syurga bagi orang-orang yang istiqamah berulang-alik ke masjid menunaikan solat secara berjemaah sebagaimana disebut dalam sebuah hadis:

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ أَوْ رَاحَ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُ فِي الْجَنَّةِ نُزُلاً كُلَّمَا غَدَا أَوْ رَاحَ

Maksudnya: *"Sesiapa yang pergi ke masjid atau pulang, Allah akan sediakan baginya tempat dalam syurga sepertimana pergi dan pulang".* **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Ajaran Islam merupakan ajaran *rabbani*, yakni ajaran yang datang daripada Allah SWT sendiri dan bukan ciptaan akal manusia yang sangat terbatas. Oleh sebab ia datang daripada Pencipta manusia, maka ia amat sesuai dengan fitrah manusia di setiap tempat dan zaman. Tonggak utama ajaran Islam ialah terletak pada Islam, Iman dan ihsan sebagaimana terkandung dalam hadis yang menceritakan perihal ketiga-tiga elemen ini. Sebagaimana terkandung dalam hadis, Rasulullah SAW menyatakan bahawa: *"Islam itu ialah kamu bersaksi (bersyahadah) bahawa tiada Ilah melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu merupakan Rasul Allah, dan hendaklah kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada Bulan Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah jika kamu mampu mengerjakannya".*

Beriman kepada Allah SWT tidak hanya terikat pada ungkapan lisan dan tuturan kata semata-mata. Iman juga bukanlah sesuatu yang diukur pada zahir penampilan dan sebagainya. Akan tetapi iman itu menuntut kita untuk menyemai kepercayaan yang utuh

kepada Allah SWT di dalam hati bahawa Allah Maha Pencipta, pemilik dan pentadbir alam ini dan hanya Allah yang berhak disembah. Pada waktu yang sama keyakinan ini diterjemahkan melalui pengakuan lisan yang disempurnakan dengan kepatuhan menerusi amalan dan perbuatan yang diredhai Allah SWT. Hal ini diterangkan Allah SWT melalui firman-Nya dalam Surah al-Hujurat ayat 15 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman itu hanyalah orang-orang yang percaya (beriman) kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)".

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam era kemajuan dan pemodenan dunia hari ini, kita turut tidak terlepas dengan isu pengabaian soal agama yang berhubung kait dengan nilai keimanan. Kini, sudah tiba masanya kita memainkan peranan penting dalam memastikan ajaran Islam, kemantapan akidah dan sifat ihsan menjadi agenda utama dalam memimpin dan memandu kita ke jalan yang selamat .

Sesungguhnya orang yang beriman akan mencetuskan sifat kehambaan yang tulus kerana Allah SWT. Rasa takut mereka kepada Allah SWT menyebabkan segala amalan dilakukan dengan penuh keikhlasan bahkan lidah dan hati mereka tidak putus mengingat dan menyebut keagungan Allah SWT. Kemuncaknya, timbul rasa kecintaan yang mutlak kepada Allah SWT sehingga sanggup mentaati segala perintah-Nya dan berkorban kerana Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Setiap Muslim bukan sahaja dituntut untuk berihsan dalam urusan kehidupan seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya, bahkan dalam urusan muamalat seperti kekeluargaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan politik. Konsep ihsan menjurus kepada dua matlamat utama iaitu ihsan dalam beribadah kepada Allah dan ihsan dalam menjalankan hak sesama makhluk.

Pertama, **ihsan dalam beribadah kepada Allah SWT** iaitu seolah-olah yang melakukan kebaikan itu melihat Allah SWT dan dalam hatinya menyakini Allah SWT melihat perbuatannya sepertimana sabda Rasulullah SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: *"….hendaklah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, jika kamu tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia (Allah) melihat kamu".* **(Hadis Riwayat Imam Muslim)**

Kedua, **ihsan dalam menjalankan hak sesama makhluk** ialah dengan menjalankan hak-hak mereka. Antaranya berbuat baik kepada mereka yang paling hampir iaitu ibu bapa kita. Hal ini selari sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Israa' ayat 23:

۞وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓاْ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًاۚ إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ٢٣

Maksudnya: *"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia".*

Selain daripada ibu bapa, kita juga dituntut untuk berlaku ihsan atau berbuat baik kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin serta jiran tetangga. Amalan berbuat baik (ihsan) kepada warga emas sama ada dengan ibu bapa sendiri atau pun orang lain secara tidak langsung melahirkan masyarakat yang penyayang, harmoni dan diberkati sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan sembahlah Allah SWT dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim,

orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu". **(Surah al-Nisaa' ayat 36)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersempena dengan sambutan Hari Warga Emas pada 1 Oktober 2021 juga, khatib ingin mengajak para jemaah dan umat Islam sekalian, marilah kita menanam tekad dan keazaman untuk menjadi individu dan masyarakat yang sentiasa berusaha istiqamah memelihara ajaran Islam, mengukuhkan keimanan dan berlaku ihsan terhadap ibu bapa dengan sering bertanya khabar dan mendoakan mereka serta berlaku ihsan terhadap golongan warga emas dengan sentiasa menghormati dan membantu sama ada mereka yang mempunyai pertalian hubungan atau tidak. Semoga dengan itu, mendidik diri kita menjadi hamba yang sentiasa bersyukur seterusnya memperkukuh ketakwaan kepada Allah SWT.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, antara intipati yang boleh diambil pengajaran bersama;
Pertama: Islam, Iman dan ihsan merupakan tiga elemen yang menjadi asas kepada kesempurnaan Islam.
Kedua: Ketekunan menunaikan ajaran Islam akan mengukuhkan tahap keimanan seseorang Muslim dan seterusnya akan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.
Ketiga: Setiap umat Islam mesti berpegang teguh dengan ajaran Islam dan memelihara iman di samping berlaku ihsan dengan Allah SWT dan ihsan sesama makhluk.

Hayatilah firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' ayat 24 iaitu:

وَٱخۡفِضۡ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحۡمَةِ وَقُل رَّبِّ ٱرۡحَمۡهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرٗا ٢٤

Maksudnya: *"Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil".*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ٥٦

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكَنَا كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بڬيندا يڠ دڤرتوان اڬوڠ، السُلطَان عبد الله رِعَايَةُ الدِّيْنِ الـمُصْطَفَى بِالله شاه ابن المرحوم سُلْطَان حاج أحمد شاه الـمُسْتَعِيْن بالله.

وَكَذلِكَ كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بڬيندا راج ڤرمايسوري اڬوڠ، تونكو حاجه عزيزه أمينه ميمونه إسكندريه بنت الـمرحوم الـمُتَوَكِّلْ عَلَى الله سُلْطَان إسكندر الحَاج.

وَكَمَا نَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ دَوَامِ التَّوْفِيْقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ لِجَلَالَةِ نَائِبِ مَلِكِ ماليزيا دولي يڠ مها موليا ڤدوك سري سلطان نزرين مُعِزُّالدِّين شاه ابن المرحوم سلطان ازلن مُحِبُّ الدِّين شاه اَلْمَغْفُور لَهُ وَكَذلِكَ كباوه دولي يڠ مها موليا راج ڤرمايسوري ڤيراق توانكو زارا سليم.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُم وَوُزَرَاءَهُم وَقُضَاتَهُم وَعُمَّالَهُم وَرَعَايَاهُم مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِناً مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ البَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ،

۞إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.